



Bagi memastikan pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, STM Lottery Sdn Bhd (STM Lottery), dahulunya dikenali sebagai Sports Toto Malaysia Sdn Bhd telah menyediakan Polisi Privasi untuk penggunaan dan perlindungan data peribadi anda sebagai pelanggan STM Lottery seperti yang berikut:

### **POLISI PRIVASI STM Lottery**

Privasi anda adalah keutamaan kami. Dasar Privasi ini menerangkan polisi kami mengenai pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Maklumat Peribadi anda. Pemprosesan maklumat peribadi anda juga tertakluk kepada peruntukkan undang-undang. Maklumat Peribadi yang anda berikan kepada kami sekarang atau dari masa ke semasa atau yang telah diberikan kepada kami sebelum ini akan diguna dan diproses mengikut Dasar Privasi ini (yang mana Dasar Privasi ini boleh dipinda, diubah, atau disemak semula dari masa ke semasa oleh pihak kami). Sekiranya penyemakkan semula dan pindaan dilakukan keatas Dasar Privasi ini, kami akan memaklumkan kepada anda akan pindaan tersebut di laman web kami atau menghantar satu salinan Dasar Pivasi yang telah terpinda melalui pos atau e-mel, mengikut kesesuaian atau cara pilihan anda bagi penerimaan notis daripada kami.

Di dalam Dasar Pivasi ini,

"**Kumpulan Berjaya**" bermaksud Berjaya Corporation Berhad termasuk anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat-syarikat bersekutu Berjaya Corporation Berhad.

"**Maklumat Peribadi**" bermaksud mana-mana maklumat dalam milikan atau kawalan kami yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada anda (atau mana-mana individu lain) di mana anda (atau individu lain) dikenalpasti atau boleh dikenalpasti daripada maklumat itu atau maklumat lain dalam milikan kami.

"**Produk dan Perkhidmatan**" bermaksud apa-apa produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh STM Lottery Sdn Bhd (No. Syarikat 8420-D).

"**Kami**" bermaksud STM Lottery Sdn Bhd (No. Syarikat 8420-D).

### **1. Maklumat Peribadi**

## 1.1 Maklumat yang telah kami kumpulkan daripada anda

Maklumat peribadi yang kami kumpulkan mengenai anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada, yang berikut ini:-

- butir-butir peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, umur, jantina, kewarganegaraan, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, alamat e-mel dan butir-butir lain
- maklumat berkaitan dengan Produk dan Perkhidmatan yang anda mungkin telah membeli daripada kami atau apabila anda mendaftarkan minat anda untuk membuat pembelian, mendapatkan maklumat dan maklumat terkini, pertanyaan dan yang lain-lain
- minat peribadi serta kegemaran seperti bahasa pilihan anda, produk, kandungan maklumat yang diminati serta cara penyampaian atau pemasaran yang anda gemari
- lain-lain maklumat yang telah atau akan dikumpulkan oleh kami atau Kumpulan Berjaya, atau maklumat yang anda berikan kepada kami atau Kumpulan Berjaya, atau yang diberikan kepada kami oleh Kumpulan Berjaya, dari masa ke semasa, berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan, urusan niaga, peraduan, tinjauan pasaran, promosi, soal selidik atau komunikasi dengan kami atau Kumpulan Berjaya
- foto atau imej anda, daripada video pengawasan yang dipasang di premis kami bagitujuan keselamatan
- nama pengguna, kata laluan and lain-lain pengenalan diri apabila anda mendaftar dilaman web kami
- Apabila anda melayari laman web kami, beberapa maklumat mengenai komputer anda akan terkumpul secara automatik seperti alamat IP, perisian pelayar web dan lain-lain maklumat yang berkaitan.

Sesetengah maklumat yang diminta oleh kami adalah wajib dan dipersetujui oleh anda kerana ianya mandatori bagi tujuan pemprosesan maklumat tersebut di pihak kami, dan sekiranya anda gagal memberikan maklumat tersebut kami tidak boleh membekalkan Produk dan Perkhidmatan, atau maklumat serta maklumat terkini berkenaan Produk dan Perkhidmatan tersebut.

## 1.2 Cara-cara bagaimana Maklumat Peribadi anda dikumpulkan

- apabila anda mendaftar untuk membeli Produk dan Perkhidmatan kami, atau mendaftarkan minat anda untuk membeli Produk dan Perkhidmatan tersebut atau bagi mendapatkan maklumat serta maklumat terkini mengenai Produk dan Perkhidmatan tersebut
- apabila anda melawati laman web atau laman rangkaian sosial kami
- apabila anda menyertai pertandingan atau respon keatas tinjauan pasaran, promosi atau soal selidik
- daripada sumber-sumber pihak ketiga seperti agensi-agensi rujukan kredit, pencegahan penipuan serta dari sumber-sumber rekod awam

- melalui mana-mana transaksi atau pertanyaan atau komunikasi yang telah dibuat kepada atau dengan kami

### 1.3 Tujuan pengumpulan dan pemrosesan Maklumat Peribadi anda

- untuk berkomunikasi dengan anda
- untuk pemrosesan permohonan, pertanyaan atau permintaan anda
- untuk memperuntukkan Produk dan Perkhidmatan kepada anda
- untuk tujuan pentadbiran
- untuk memberi maklum balas terhadap pertanyaan anda
- bagi tujuan penyelidikan dan analisa statistik
- untuk pemantauan dan peningkatan perkhidmatan kami
- bagi mematuhi undang-undang yang terpakai, prosiding atau pertanyaan daripada pihak berkuasa dan agensi-agensi penguatkuasaan
- sebarang tujuan lain yang dibenarkan oleh undang-undang
- untuk memasarkan dan mempromosikan lain-lain produk dan perkhidmatan yang ditawarkan atau yang mungkin ditawarkan oleh kami atau rakan niaga kami dari masa ke masa
- bagi tujuan pemasaran secara langsung
- untuk pembekalan maklumat terkini mengenai Produk dan Perkhidmatan kepada anda

### 1.4 Data Peribadi Sensitif

- kami tidak akan mengumpulkan Data Peribadi Sensitif anda melainkan jika dikehendaki undang-undang. Jika anda tidak mahu Data Peribadi Sensitif anda dikumpulkan, anda tidak perlu menyerahkan Data Peribadi Sensitif tersebut kepada kami.
- "Data Peribadi Sensitif" bermaksud apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, perlakuan atau pernyataan atau apa-apa kenyataan kesalahan atau data peribadi yang ditetapkan di bawah undang-undang sebagai data peribadi yang sensitif.
- jika anda memilih untuk menghantar Data Peribadi Sensitif anda kepada kami, data tersebut akan dianggap sebagai Maklumat Peribadi yang akan tertakluk kepada terma-terma dan pencakupan Dasar Privasi ini, termasuk juga bagi tujuan pemrosesan, penggunaan dan pendedahan data tersebut.

## 2. Pendedahan Maklumat

Bagi memudahkan tujuan-tujuan yang tersebut di atas serta pembekalan produk dan perkhidmatan kepada anda, kami akan memproses, menggunakan dan mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga mengikut pengelasan yang berikut ini: -

- syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Berjaya
- pihak berkuasa dan agensi-agensi penguatkuasaan
- mana-mana mahkamah undang-undang atau pihak yang mempunyai tuntutan yang sahataupun bagi tujuan prosiding/tindakan undang-undang
- kontraktor, pembekal perkhidmatan, perunding, juruaudit dan penasihat kami sekadar makluman yang diperlukan sahaja
- mana-mana pemegang serah hak atau pemeroleh yang sebenar atau bakal penerima pindahmilik, atau pemeroleh mana-mana syarikat atau perniagaan Kumpulan Berjaya atau berkenaan dengan mana-mana pelaksanaan korporat

### **3. Akses atau Pembaharuan/Kemas Kini Maklumat Peribadi anda**

3.1 Anda adalah bertanggungjawab untuk memberikan maklumat peribadi yang tepat dan lengkap tentang diri anda serta orang lain (sebagai contoh: suami/ isteri anda, anak-anak, saudara-mara atau pihak ketiga) yang mana maklumat peribadi mereka telah diberikan oleh anda kepada kami, dan oleh itu, jika maklumat peribadi tersebut didapati tidak tepat dan tidak lengkap atau tidak dikemaskini, anda dikehendaki untuk membuat pembetulan atau mengemas kini maklumat peribadi tersebut dengan menghubungi kami atau mengemukakan maklumat-maklumat yang terbaru kepada kami.

3.2 Anda boleh menulis kepada kami di alamat yang tertera di Seksyen 5 di bawah ini:

- untuk memohon satu salinan Maklumat Peribadi di dalam simpanan kami
- untuk memohon bagi membuat pembetulan atau bagi mengemaskini Maklumat Peribadi anda

Anda adalah dikehendaki memberikan bukti identiti anda, alamat serta maklumat yang mencukupi untuk membolehkan kami mengenal pasti anda semasa permohonan bertulis dikemukakan kepada kami.

3.3 Selepas menerima permohonan bertulis anda, kami mempunyai pilihan untuk:

- mematuhi atau menolak permohonan anda bagi mengakses atau membetulkan Maklumat Peribadi anda. Jika penolakan dibuat, kami akan memaklumkan sebab-sebab penolakan tersebut
- mengenakan yuran pemprosesan keatas permohonan anda untuk mengakses atau membetulkan Maklumat Peribadi anda

### **4. Menghadkan pemprosesan Maklumat Peribadi anda**

Jika anda:

- tidak mahu menerima tawaran, promosi dan bahan-bahan pemasaran serta maklumat mengenai produk-produk dan perkhidmatan yang lain daripada kami atau rakan-rakan perniagaan kami; atau
- jika anda mengkehendakki kami menghentikan pemprosesan Maklumat Peribadi anda dengan maksud/tujuan tertentu atau dengan cara yang tertentu.

sila hubungi kami secara bertulis kepada alamat yang dinyatakan dalam **Seksyen 5** di bawah. Sekiranya tiada sebarang makluman bertulis diterima daripada anda, kami akan menganggap bahawa anda telah bersetuju dengan pemprosesan, penggunaan dan penyebaran Maklumat Peribadi mengikut kehendak bidangkuasa Dasar Privasi ini. Oleh yang demikian itu, jika sekiranya anda tidak bersetuju dengan pemprosesan Maklumat Peribadi anda seperti yang tersebut di atas, kami tidak dapat membekalkan Produk dan Perkhidmatan atau lain-lain produk serta perkhidmatan seperti yang dipohon.

#### **5. Bagaimana untuk menghubungi kami: -**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Dasar Privasi ini, anda boleh menghubungi kami di [www.sportstoto.com.my](http://www.sportstoto.com.my) melalui bahagian Hubungi Kami/ MaklumBalas, atau talian perkhidmatan pelanggan kami di no telefon: (603) 2148-9779.